

# Tadabbur Dengan Soalan Halaman 14 QS 2:91-93

Mohd Harfiz Bin Hamzah

## Ayat 91

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا بِمَا أُنزِلَ اللَّهُ قَالُوا نُؤْمِنُ بِمَا أُنزِلَ عَلَيْنَا وَنَكْفُرُونَ بِمَا  
وَرَاءَهُ وَهُوَ الْحَقُّ مُصَدِّقًا لِّمَا مَعَهُمْ قُلْ فَلِمَ تَقْتُلُونَ أَنْبِيَاءَ اللَّهِ مِنْ قَبْلُ إِنْ  
كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٩١﴾

2:91. Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Berimanlah kepada Al Quran yang diturunkan Allah," mereka berkata: "Kami hanya beriman kepada apa yang diturunkan kepada kami". Dan mereka kafir kepada Al Quran yang diturunkan sesudahnya, sedang Al Quran itu adalah (Kitab) yang hak; yang membenarkan apa yang ada pada mereka. Katakanlah: "Mengapa kamu dahulu membunuh nabi-nabi Allah jika benar kamu orang-orang yang beriman?"

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا بِمَا أُنزِلَ اللَّهُ

2:91. Dan apabila dikatakan kepada mereka:  
"Berimanlah kepada Al Quran yang diturunkan Allah,"

Jawapan: Ajakan ayat di atas kepada orang-orang Yahudi berbunyi: aminu bima anzala Allah/ berimanlah kepada apa yang diturunkan Allah, tidak dikatakan, “berimanlah kepada al-Qur’an yang disampaikan oleh Nabi Muhammad saw.” Ini untuk mengisyaratkan bahawa apa pun dan siapa pun yang membawa ajaran dan bimbingan Allah swt., apakah dia Nabi Muhammad saw. atau orang lain, apakah dia wahyu langsung berupa kitab suci atau bukan wahyu langsung berupa tuntunan Nabi, maka itu semua hendaknya dipercayai. Hal itu juga untuk menghindari penyebutan nama Nabi Muhammad yang mereka benci itu. (Al-Misbah)

Amal: Kenanglah peristiwa dalam hidup di mana ada kalian menafikan kebenaran kalamullah dek kerana ia keluar dari individu yang tidak kalian sukai.

Soalan: Mengapakah disebut ‘berimanlah kepada apa yang diturunkan Allah?’

قُلْ فَلِمَ تَقْتُلُونَ أَنْبِيَاءَ اللَّهِ مِنْ قَبْلُ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٩١﴾

2:91. Katakanlah: "Mengapa kamu dahulu membunuh nabi-nabi Allah jika benar kamu orang-orang yang beriman?"

Jawapan: Pertambahan perkataan 'nabi-nabi' kepada nama Allah merupakan satu kemuliaan yang besar terhadap para nabi tersebut yang memberi makna bahawa mereka yang diutuskan oleh Allah hendaklah dibesarkan dan dibantu dan bukannya dibunuh (AlAlusi: 1/324)

Amal: Perhatikanlah mana-mana nama yang digandingkan bersama Allah, dan muliakanlah ia.

Soalan: Apakah makna pertambahan nama 'nabi-nabi' yang merupakan makhluk ciptaan Allah, kepada nama Allah?

قُلْ فَلِمَ تَقْتُلُونَ أَنْبِيَاءَ اللَّهِ مِنْ قَبْلُ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٩١﴾

2:91. Katakanlah: "Mengapa kamu dahulu membunuh nabi-nabi Allah jika benar kamu orang-orang yang beriman?"

Jawapan: Perhatikan juga kata 'min qabl'/sebelum ini, yang maksudnya adalah sebelum Nabi Muhammad saw. Bila kata sebelum ini tidak tercantum, maka boleh jadi akan timbul dalam benak orang-orang Yahudi, bahawa mereka akan mampu membunuh Muhammad saw., atau paling tidak - bila kata itu tidak disebut — maka boleh jadi ayat ini meresahkan umat Islam, kerana menduga bahawa Nabi Muhammad saw. pun akan menjadi korban pembunuhan mereka. Dengan demikian, penegasan al-Qur'an sebelum ini, memberi ketenangan kepada Nabi Muhammad saw. dan seluruh sahabat beliau, sekaligus menjadi bukti kebenaran al-Qur'an untuk generasi sesudah mereka, bahawa sejak dini al-Qur'an telah menegaskan bahawa Nabi Muhammad saw. tidak akan dibunuh oleh orang Yahudi atau siapa pun (Al-Misbah)

Amal: Yakinlah bahawa jaminan Allah pasti benar, berpegang teguhlah dan teruskan perjuangan.

Soalan: Apakah hikmah penegasan kalimah 'min qabl' pada ayat ini?

## Ayat 92

وَلَقَدْ جَاءَكُمْ مُوسَىٰ بِالْبَيِّنَاتِ ثُمَّ اتَّخَذْتُمُ الْعِجْلَ مِن بَعْدِهِ  
وَأَنْتُمْ ظَالِمُونَ ﴿٩٢﴾

2:92. Sesungguhnya Musa telah datang kepadamu membawa bukti-bukti kebenaran (mukjizat), kemudian kamu jadikan anak sapi (sebagai sembah) sesudah (kepergian)nya, dan sebenarnya kamu adalah orang-orang yang zalim.

❖ وَلَقَدْ جَاءَكُمْ مُوسَىٰ بِالْبَيِّنَاتِ

2:92. Sesungguhnya Musa telah datang kepadamu membawa bukti-bukti kebenaran (mukjizat),

Jawapan: Yang dimaksud dengan "bukti-bukti yang jelas" adalah berupa angin badai, belalang, kutu, kodok, darah, tongkat, tangan, pembelahan laut, penaungan dengan awan, manna, salwa, batu, dan mukjizat lainnya yang mereka saksikan. Setelah itu kalian jadikan anak sapi sebagai sembahsan selain Allah pada zaman hidupnya Musa. (Ibn Kathir)

Amal: Setelah sekian banyak tanda-tanda Allah di atas muka bumi ini, maka berusaha sehingga ia menambah keimanan terhadap Allah swt. Kemudian perjuangkanlah ia.

Soalan: Apakah contoh bukti nyata yang telah ditunjukkan pada zaman Nabi Musa as?

## Ayat 93

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمْ الطُّورَ خُذُوا مَا آتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ  
وَأَسْمَعُوا قَالُوا سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا وَأُشْرِبُوا فِي قُلُوبِهِمُ الْعِجْلَ بِكُفْرِهِمْ قُلْ بِئْسَمَا  
يَأْمُرُكُمْ بِهِ إِيمَانُكُمْ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٩٣﴾

2:93. Dan (ingatlah), ketika Kami mengambil janji dari kamu dan Kami angkat bukit (Thursina) di atasmu (seraya Kami berfirman): "Peganglah teguh-teguh apa yang Kami berikan kepadamu dan dengarkanlah!" Mereka menjawab: "Kami mendengar tetapi tidak mentaati". Dan telah diresapkan ke dalam hati mereka itu (kecintaan menyembah) anak sapi karena kekafirannya. Katakanlah: "Amat jahat perbuatan yang telah diperintahkan imanmu kepadamu jika betul kamu beriman (kepada Taurat).

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمْ الطُّورَ خُذُوا مَا آتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ وَأَسْمِعُوا

2:93. Dan (ingatlah), ketika Kami mengambil janji dari kamu dan Kami angkat bukit (Thursina) di atasmu (seraya Kami berfirman): "Peganglah teguh-teguh apa yang Kami berikan kepadamu dan dengarkanlah!"

Jawapan: Bukit Tursina adalah bukit agung yang dijadikan hukuman kepada mereka disebabkan relanya mereka untuk berada di dasar lembah kejahilan setelah Allah mengangkat mereka ke puncak pengetahuan. Sesungguhnya orang yang mendengar kebenaran namun tidak menerimanya sama sahaja dengan orang yang tidak menerima kebenaran. Dikatakan kepada mereka 'Dengarlah', atau Allah akan timpakan bukit Tursina ini ke atas mereka. Ini adalah supaya cukup peristiwa ini untuk menjadi pengajaran yang berharga kepada orang-orang lain supaya mereka mengambil iktibar daripadanya (AlBiqā'ie: 1/198).

Amal: Kajilah puncak pengetahuan umat Islam pada generasi yang terbaik, kemudian usahalah untuk mengembalikan kegemilangan tersebut. Umat Islam masih terperosok ke bawah dek kerana pengabaianya terhadap kebenaran.

Soalan: Memberi pengajaran kepada orang yang degil hendaklah dilakukan berkadar dengan kedegilannya. Setakat manakah pemberian pengajaran kepada orang-orang Yahudi disebabkan kedegilan mereka?

خُذُوا مَا آتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ وَأَسْمِعُوا

2:93. "Peganglah teguh-teguh apa yang Kami berikan kepadamu dan dengarkanlah!"

Jawapan: 'Dengarlah' membawa maksud mendengar dengan ketaatan dan melaksanakan apa yang diperintahkan (As-Sa'adi: 59).

Amal: Berusahalah mengamalkan apa yang didengari dari ayat al-Quran dan as-Sunnah. Dengarkanlah satu potongan ayat al-Quran hari ini, kemudian amalkanlah ia sehingga ia sehati dengan diri.

Soalan: Apakah jenis pendengaran yang Allah inginkan kita mendengar dengannya Al-Quran yang mulia?

## قَالُوا سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا

2:93. Mereka menjawab: "Kami mendengar tetapi tidak mentaati".

Jawapan: Dengan ucapan mereka berkata “kami mendengar dan taat”, dan dengan perbuatan mereka, mereka berkata, ‘Kami membangkang. Kenyataan itulah yang memberi ucapan makna yang sebenarnya dari ucapan. Makna itu jauh lebih kuat dari apa yang diucapkan lidah. Gambaran hidup tentang kenyataan ini mengisyaratkan salah satu prinsip umum dari sekian prinsip ajaran Islam iaitu bahawa tidak ada nilai satu ucapan tanpa amal. Amallah yang dinilai, atau kesatuan antara ucapan lidah serta gerak nyata, dan inilah yang menjadi dasar bagi ketetapan hukum dan penilaiannya.” (Sayyid Qutb)

Amal: Baca dan amalkan doa ini: “Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada keredhaanMu daripada kemurkaanMu, dan aku berlindung kepada kemaafanMu daripada hukumanMu, dan aku berlindung kepadaMu dari seksaMu, aku tidak mampu menyebut semua pujian untukMu, sebagaimana engkau memuji diriMu sendiri.

اللَّهُمَّ أَعُوذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ، وَبِمُعَافَاتِكَ مِنْ عُقُوبَتِكَ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْكَ لَا أَحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَى نَفْسِكَ

Soalan: Tidak ada nilai suatu ucapan tanpa amal. Jelaskan.

قَالُوا سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا وَأُشْرِبُوا فِي قُلُوبِهِمُ الْعِجْلَ بِكُفْرِهِمْ

2:93 Mereka menjawab: "Kami mendengar tetapi tidak mentaati". Dan telah diresapkan ke dalam hati mereka itu (kecintaan menyembah) anak sapi karena kekafirannya.

Jawapan: Pengaruh penyembahan kepada berhala anak lembu itu sudah sangat meresap ke dalam hati mereka, sehingga walaupun telah diancam akan dihimpit gunung, walaupun telah diperintah supaya setia kepada hukum Taurat dengan sungguh-sungguh, namun pengaruh anak lembu itu belum lagi kikis dari dalam hatinya. (Al-Azhar)

Amal: "Kecintaanmu kepada sesuatu membuatmu buta dan tuli." (HR. Abu Dawud). Berhati-hatilah terhadap apa yang kalian cintai, jangan sampai ia membinasakan.

Soalan: Seteruk apakah pengaruh berhala dalam kehidupan?